

D690

B 8515 DEB
JUNEJO - MAHATHIR

(1)

KUALA LUMPUR, 5 NOV (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEGASKAN BAHAWA KERJASAMA YANG LEBIH KETARA PERLU DI KALANGAN NEGARA-NEGARA SELATAN-SELATAN KHUSUSNYA DALAM BIDANG PELAJARAN YANG MENURUTNYA PERBELANJAAN YANG BESAR DALAM BIDANG INI DARI SELATAN +MENGALIR+ KE UTARA.

PERDANA MENTERI MENCADANGKAN SUPAYA NEGARA-NEGARA DI SELATAN MEMPERTIMBANGKAN UNTUK MEWUJUDKAN LEBIH BANYAK INSTITUT PENGAJIAN TINGGI BAGI MEMPERLUASKAN PERTUKARAN PELAJAR SESAMA MEREKA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENIMBULKAN PERKARA ITU SEMASA PERTEMUAN DENGAN RAKAN SEJAWATANNYA DARI PAKISTAN, ENCIK MOHAMAD KHAN JUNEJO SELAMA 30 MINIT, SEJURUS SETIBANYA DI SINI UNTUK LAWATAN TIGA HARI.

SEMASA MEMBERI TAKLIMAT KEPADA AKHBAR MENGENAI HASIL PERBINCANGAN KEDUA-DUA PERDANA MENTERI ITU, KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN LUAR, TAN SRI ZAINAL ABIDIN SULONG BERKATA DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENCADANGKAN SUPAYA SURUHANJAYA SELATAN-SELATAN MENELITI KEMUNGKINAN MENGADAKAN LEBIH BANYAK PROGRAM SEUMPAMA ITU.

MENGENAI USAHA MEMPERTINGKATKAN HUBUNGAN DUA HALA DI ANTARA KEDUA-DUA NEGARA, KEDUA-DUA PEMIMPIN NEGARA ITU BERSETUJU BAHAWA PERBINCANGAN LANJUT MENGENAI PERKARA BERKENAAN DIADAKAN DI PERINGKAT MENTERI. -- LAGI.

2153MST 05 11 87

B 8516 DEB
JUNEJO - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

(1)

MESYUARAT PERTAMA SERUPA ITU AKAN DIADAKAN ESOK DI ANTARA DUA ORANG MENTERI PAKISTAN YANG MENYERTAI ROMBONGAN ITU, ENCIK NISAR MUHAMMAD KHAN (KEBUDAYAAN, SUKAN DAN PELANCONGAN) DAN ENCIK SHUJAAT HUSSAIN (PERINDUSTRIAN) DENGAN DATUK SABBARUDDIN CHIK (KEBUDAYAAN DAN PELANCONGAN) DAN DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ (PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN).

PERKARA-PERKARA YANG MEMERLUKAN KAJIAN MENDALAM DAN LENGKAP AKAN DIBINCANGKAN PADA MESYUARAT ITU.

KEDUA-DUA PERDANA MENTERI JUGA BERSETUJU MENGENAI PERLUNYA KERJASAMA LEBIH RAPAT DI ANTARA ASEAN DENGAN PERSATUAN ASIA SELATAN BAGI KERJASAMA SERANTAU (SAARC).

DATUK SERI DR MAHATHIR DAN ENCIK JUNEJO BERSETUJU BAHAWA KERJASAMA SEDEMIKIAN MEMBOLEHKAN KEDUA-DUA PIHAK SALING MEMPELAJARI DARIPADA PENGALAMAN SATU SAMA LAIN.

PEMIMPIN PAKISTAN ITU, YANG BARU MENGHADIRI MESYUARAT SAARC DI KATHMANDU, MEMBERI TAKLIMAT KEPADA DATUK SERI DR MAHATHIR MENGENAI BEBERAPA KEPUTUSAN YANG DICAPAI DALAM MESYUARAT ITU. IA TERMASUKLAH MEWUJUDKAN SIMPANAN KESELAMATAN MAKANAN DAN SATU PERJANJIAN UNTUK MENYELARASKAN TINDAKAN MENENTANG KEGANASAN. - LAGI.

2155MST 05 11 87

B 8519 DEB
JUNEJO - MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

(1)

EELIAU JUGA MEMAKLUMKAN DATUK SERI DR MAHATHIR MENGENAI MASALAH AFGHANISTAN DAN BERKATA BAHAWA BEBERAPA KEMAJUAN TERBARU DICAPAI SEJAK SETAHUN LEPAS.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGAJIBIL PELUANG TERSEBUT UNTUK MENERANGKAN KEPADA ENCIK JUNEJO MENGAPA KERAJAAN BARU-BARU INI BERTINDAK TERHADAP MEREKA YANG MENJALANKAN AKTIVITI-AKTIVITI YANG BERBAHAYA, YANG BOLEH MENJEJASKAN KEAMANAN DAN KESTABILAN NEGARA INI.

ENCIK JUNEJO BERADA DI SINI SEBAGAI MEMBALAS LAWATAN DATUK SERI DR MAHATHIR KE PAKISTAN DALAM 1984. LAWATAN INI MERUPAKAN YANG PERTAMA BAGI EELIAU SEJAK MENJADI PERDANA MENTERI PADA TAHUN 1985.

TAN SRI ZAINAL ABIDIN BERKATA ENCIK JUNEJO JUGA MENYAMPAIKAN JEMPUTAN KEPADA DATUK SERI DR MAHATHIR SUPAYA MELAWAT PAKISTAN LAGI. - BERNAMA.

2200MST 05 11 87